

Pendekatan *Hisbah* dalam pengurusan disiplin pelajar: kajian kes di Pondok Bustanul Arifin, Banting

[The implementation of Hisbah principles in student discipline management: a case study at Pondok Bustanul Arifin, Banting]

Muslihah Mazlan^{1*}, Azrin Ibrahim² & Najwa Alyaa Abd Wakil³

ARTICLE INFO

Revised Date: 6 September 2025
Accepted Date: 22 September 2025
Published Date: 28 September 2025

Kata Kunci:
Hisbah, Disiplin Pelajar, Pondok,
Muhtasib, Pendidikan Islam, Akhlak

¹ Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka.

² Pusat Pengajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang.

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, 13500, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

*Corresponding email: muslihah@unimel.edu.my

Keywords:

Hisbah, *Student Discipline*, *Islamic Education*, *Pondok Institution*, *Muhtasib*, *Moral Development*

Abstrak

Artikel ini meneroka pelaksanaan prinsip *hisbah* dalam pengurusan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin, Banting sebagai pendekatan alternatif berteraskan nilai rohani dan akhlak. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif interpretatif dengan kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Analisis tematik dijalankan berdasarkan lima elemen utama *hisbah*: *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* dan *mu'aqabah*. Dapatan menunjukkan bahawa pengurusan disiplin pondok tidak hanya menekankan aspek hukuman fizikal, tetapi lebih kepada pemulihan sahsiah melalui pendekatan *tarbawi* berasaskan kasih sayang. Hukuman simbolik seperti penempatan dalam liang lahad, rotan di khalayak dengan iringan selawat, serta teguran berhemah diaplikasikan bagi membina kesedaran rohani dan tanggungjawab sendiri. Selain itu, hubungan guru dan pelajar yang bersifat kekeluargaan menjadikan proses *hisbah* lebih berkesan dalam membina disiplin tanpa menimbulkan dendam. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa pendekatan *hisbah* berpotensi dijadikan model disiplin alternatif yang bersepadu, sesuai diadaptasi dalam sistem pendidikan Islam lain untuk membentuk pelajar yang berakhlak dan bertanggungjawab.

Abstract

This article explores the implementation of *hisbah* principles in managing student discipline at Pondok Bustanul Arifin, Banting as an alternative approach grounded in spiritual and moral values. Adopting an interpretive qualitative design, data were collected through semi-structured interviews, field observations and document analysis. Thematic analysis was conducted based on five core elements of *hisbah*: *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* and *mu'aqabah*. The findings reveal that disciplinary management in the pondok does not rely merely on physical punishment but emphasizes character rehabilitation through compassionate *tarbawi* approaches. Symbolic punishments such as liang lahad reflection, public caning accompanied by selawat, and constructive admonition are practiced to cultivate spiritual awareness and personal accountability. Furthermore, the familial relationship between teachers and students enhances the effectiveness of *hisbah* in fostering discipline without resentment. The study implies that *hisbah*-based discipline provides a holistic alternative model that can be adapted in other Islamic educational systems to nurture ethical and responsible students.

Pengenalan

Pengurusan disiplin pelajar merupakan aspek penting dalam menjamin kelangsungan pendidikan yang berkesan serta pembangunan sahsiah pelajar secara holistik. Dalam konteks institusi pendidikan Islam tradisional seperti pondok, pendekatan terhadap disiplin tidak hanya tertumpu pada aspek hukuman fizikal atau peraturan luaran tetapi turut menekankan nilai-nilai spiritual dan akhlak Islami sebagai asas pembentukan peribadi. Salah satu pendekatan utama yang diamalkan ialah prinsip *hisbah* iaitu misi *amar ma'ruf nahi mungkar* yang mengandungi mekanisme pemantauan, teguran dan pembetulan tingkah laku pelajar berlandaskan nilai-nilai agama (al-Qaradawi, 1996). *Hisbah* dalam tradisi Islam bukan hanya relevan dalam ruang lingkup kenegaraan atau pentadbiran awam, bahkan memainkan peranan penting dalam kerangka pendidikan dan pembangunan pelajar. Ia merangkumi pelaksanaan elemen *muraqabah* (pengawasan spiritual), *muhasabah* (refleksi sendiri), *mu'atabah* (teguran membina), *mu'aqabah* (tindakan pembetulan) dan *mujahadah* (penguatan keazaman), yang kesemuanya bertujuan memperkukuh keinsafan dalaman dan pematuhan terhadap syariat serta akhlak Islam (Ibn Taymiyyah, 2004; Hassan, 2011).

Kajian terdahulu seperti oleh Abdullah dan Hassan (2024) menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan *hisbah* berkesan dalam membentuk kesedaran sendiri pelajar secara lebih mendalam berbanding kaedah hukuman semata-mata. Ini kerana pendekatan tersebut bukan sahaja menekankan kepatuhan luaran terhadap peraturan, tetapi turut memberi ruang kepada pembangunan rohani melalui hubungan pelajar dengan Allah SWT serta peranan guru sebagai pemantau akhlak (*muhtasib*) yang disegani. Kajian lebih terkini oleh Mazlan et al. (2021) di Pondok Bustanul Arifin, Banting, menunjukkan bahawa kelima-lima elemen *hisbah* tersebut diaplikasikan secara sistematik dalam pengurusan disiplin, dari aspek akidah (*musyaratah*), syariah (*muraqabah* dan *muhasabah*) hingga akhlak (*mu'aqabah*, *mujahadah* dan *mu'atabah*), sekali gus membentuk satu sistem pendidikan yang menekankan pengawasan dalaman dan pemulihan spiritual pelajar (Mazlan et al., 2021).

Tambahan pula, kajian kuantitatif oleh Makhsin et al. (2021) mendapati pelajar sekolah menengah menunjukkan penerimaan positif terhadap amalan *hisbah* sosial, dan dapatan kajian mereka menyokong hubungan antara pelaksanaan prinsip *hisbah* dan kecemerlangan *akhlak* serta prestasi pelajar secara keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan *hisbah* mampu merangsang perubahan akhlak positif yang berterusan dalam kalangan pelajar. Dalam konteks pendidikan tinggi pula, Abdullah dan Hassan (2024) membuktikan bahawa pengaplikasian prinsip *hisbah* dalam pendidikan berupaya menyokong pembangunan kemahiran insaniah mahasiswa seperti etika profesional, kecekapan komunikasi serta pemikiran kritis dan penyelesaian masalah kesemuanya berakar pada nilai akhlak Islam.

Namun begitu, penyelidikan yang benar-benar meneliti pelaksanaan praktikal konsep *hisbah* dalam institusi pondok masih terhad, khususnya dari sudut keberkesanan jangka panjang terhadap pembentukan akhlak pelajar. Kajian-kajian sedia ada banyak tertumpu kepada kerangka teori atau aspek konseptual sedangkan data empirikal secara longitudinal dan kualitatif masih belum mencukupi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam bagaimana prinsip *hisbah* diaplikasikan dalam pengurusan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin dan bagaimana pendekatan ini boleh dijadikan model alternatif yang relevan untuk institusi pendidikan Islam lain yang ingin menyeimbangkan antara penguatkuasaan disiplin dan pembentukan sahsiah serta rohani.

Sorotan literatur

Hisbah berasal daripada akar kata "*hasaba*" yang membawa maksud mengira, menilai dan menegur dan dalam konteks pengurusan sosial, ia merujuk kepada suatu sistem yang menegakkan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* secara tersusun dan bertanggungjawab (al-Ghazali, 2005). Konsep ini bukan hanya memainkan peranan dalam pentadbiran dan ekonomi, malah turut memberi implikasi besar terhadap pendidikan dan pembentukan sahsiah pelajar. Dalam konteks pendidikan, *hisbah* melibatkan proses pengawasan nilai dan akhlak, pembinaan jati diri dan penanaman kesedaran sendiri terhadap tanggungjawab moral.

Konsep *hisbah* berakar kukuh dalam al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah SWT:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah SWT."

(Surah Ali Imran, 3:110)

Ayat ini menjadi asas utama dalam pelaksanaan *hisbah*, yang meletakkan tanggungjawab *amar ma'ruf nahi mungkar* sebagai ciri utama umat Islam. Selain itu, dalam Surah Al-Hajj ayat 41, Allah SWT menyatakan:

"(Iaitu) mereka yang jika Kami beri kedudukan di muka bumi, mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; dan kepada Allah SWT jualah kembali segala urusan."

(Surah al-Hajj, 22:41)

Dalam hadis pula, Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa di antara kamu melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya, jika dia tidak mampu maka dengan lidahnya, jika tidak mampu maka dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."

(Hadis Riwayat Muslim)

Dalam literatur pengurusan pendidikan Islam, terdapat pelbagai huraian tentang elemen-elemen utama *hisbah*. Beberapa penulis seperti Mohd Nor (2014) menekankan lima elemen iaitu *musyaratah* (penetapan syarat awal), *muraqabah* (kesedaran terhadap pengawasan Ilahi), *muhasabah* (penilaian sendiri), *mu'atabah* (teguran secara membina) dan *mu'aqabah* (pembetulan yang adil). Manakala Subkan (2025) pula mencadangkan elemen *mujahadah* (kesungguhan melawan hawa nafsu) sebagai pelengkap kepada kerangka spiritual pembentukan sahsiah pelajar. Kajian ini memilih pendekatan berasaskan amalan lapangan yang menekankan lima elemen pertama, sebagaimana diamalkan secara konsisten dalam konteks pendidikan pondok tradisional.

Beberapa kajian terdahulu turut menyokong keberkesanan pendekatan berasaskan *hisbah* dalam pengurusan pelajar. Kajian oleh Makhsin, Aziz dan Ilias (2016) mendapati bahawa pendekatan *hisbah* yang menekankan elemen *muraqabah* dan *muhasabah* mampu meningkatkan disiplin pelajar secara dalaman, menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap tingkah laku mereka. Manakala kajian oleh Ismail, Abdullah dan Ismail (2022) pula menekankan bahawa peranan guru sebagai pemimpin berasaskan nilai Islam dan pembentuk *biah solehah* amat penting dalam membina iklim sekolah yang positif dan berakhlak.

Dalam konteks pondok, nilai-nilai tradisional seperti kepatuhan, kesederhanaan dan hormat kepada guru sangat selari dengan konsep *hisbah*. Namun, tidak banyak kajian yang mendokumentasikan bagaimana konsep ini dilaksanakan dalam pengurusan harian pelajar pondok secara sistematik. Oleh itu, sorotan ini menunjukkan terdapat keperluan untuk kajian yang lebih mendalam bagi menilai bentuk pelaksanaan dan keberkesanan elemen *hisbah* dalam institusi pondok moden.

Kajian oleh Jamil et al. (2021) turut menegaskan bahawa institusi *hisbah* bukan sahaja terhad kepada aspek pendidikan, malah mampu menjadi pemangkin kepada pelaksanaan nilai-nilai Islam dalam pengurusan sosial secara keseluruhan. Penekanan terhadap aspek tanggungjawab sosial dan pemantauan moral dalam konteks pemuliharaan alam sekitar membuktikan keupayaan konsep *hisbah* dalam membina masyarakat yang seimbang dan harmoni.

Konsep Hisbah dalam Tradisi Islam

Hisbah merupakan sebuah konsep penting dalam peradaban Islam yang berkaitan rapat dengan usaha menegakkan *amar ma'ruf nahi mungkar*. Dalam erti kata lain, *hisbah* bertujuan memelihara masyarakat daripada kerosakan moral dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, selaras dengan ajaran al-Qur'an dan hadis Nabi SAW (Sangadah et al., 2025). Konsep ini bukan sahaja digunakan dalam bidang kenegaraan dan pengurusan awam, malah berkembang menjadi prinsip penting dalam pengurusan institusi pendidikan, terutamanya institusi pendidikan Islam seperti pondok dan pesantren.

Lima elemen utama dalam *hisbah* memberikan asas kepada pengurusan tingkah laku pelajar secara menyeluruh: *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* (teguran membina), *mu'aqabah* (pembetulan yang adil) dan *mujahadah*. Unsur-unsur ini membentuk kerangka pendidikan yang bukan sahaja bersifat mendidik, tetapi juga membangunkan jiwa dan spiritual pelajar (Subkan, 2025). Apabila prinsip-prinsip ini diterapkan, pelajar bukan sahaja takut kepada hukuman tetapi terdorong untuk memperbaiki diri demi memenuhi tuntutan agama dan keredaan Allah SWT.

Tambahan pula, *hisbah* dalam pendidikan membina dimensi moral dan rohani dalam kawalan disiplin, menjadikannya berbeza daripada pendekatan sekular yang menekankan peraturan dan kawalan semata-mata. Pendekatan ini diperkukuh dengan pemahaman terhadap kepentingan nilai seperti keadilan, amanah dan *musyawarah* dalam setiap tindakan disiplin yang diambil, sekaligus meletakkan tanggungjawab bukan hanya pada pelajar, tetapi juga pada guru dan pentadbir yang berperanan sebagai *muhtasib* (Anshory et al., 2025). Justeru, konsep *hisbah* dalam pendidikan Islam menyediakan asas teori dan praktikal yang kukuh bagi pengurusan disiplin yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Peranan Hisbah dalam Konteks Pendidikan

Dalam institusi pendidikan Islam, *hisbah* berfungsi sebagai satu pendekatan pengurusan disiplin yang menekankan transformasi spiritual dan moral pelajar melalui kesedaran dalaman. Konsep *muraqabah*, misalnya, menggalakkan pelajar merasa diawasi oleh Allah SWT dalam setiap tindakan, menjadikan mereka lebih bertanggungjawab tanpa pengawasan fizikal yang ketat (Subkan, 2025). Ini menjadikan pelajar tidak hanya patuh secara luaran tetapi juga ikhlas dalam mematuhi peraturan kerana memahami hikmah dan nilai di sebaliknya.

Peranan guru sebagai *muhtasib* sangat penting dalam pelaksanaan *hisbah*. Guru bukan sahaja bertindak sebagai pengajar ilmu, tetapi juga sebagai pemantau moral dan sahsiah yang mendidik melalui teladan dan teguran yang membina. Pendekatan ini memperkukuh hubungan *spiritual* antara guru dan pelajar di mana rasa hormat dan tanggungjawab timbal balik dibina melalui nilai-nilai keislaman seperti kasih sayang, keadilan dan nasihat secara berhikmah (Puspita, 2025). Hubungan ini membentuk persekitaran pendidikan yang tidak bersifat menghukum tetapi membimbing dan memperkasakan jiwa pelajar.

Lebih penting lagi, integrasi nilai *hisbah* dalam pendidikan menimbulkan kesedaran kolektif terhadap nilai-nilai keadilan sosial, kerjasama dan musyawarah. Seperti yang dijelaskan dalam kajian oleh Muthoifin et al. (2025), nilai-nilai Islam seperti toleransi, hormat dan kebertanggungjawaban sosial memainkan peranan besar dalam menjadikan pendidikan satu proses pembentukan masyarakat harmoni. *Hisbah* dilihat sebagai alat untuk membina komuniti pendidikan yang berasaskan prinsip moral dan ukhrawi yang mampu menyumbang kepada kestabilan tingkah laku dan keharmonian sosial dalam jangka panjang.

Keberkesanan Pendekatan Hisbah terhadap Disiplin Pelajar

Kajian empirikal menunjukkan bahawa pendekatan *hisbah* bukan sahaja relevan, malah sangat berkesan dalam membentuk disiplin dan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Kajian Mazlan et al. (2021) di Pondok Bustanul Arifin, contohnya, mendapati bahawa pengaplikasian komprehensif terhadap lima prinsip *hisbah* membawa kepada pembentukan disiplin yang mantap, berteraskan kesedaran spiritual dan moral dalaman. Hal ini membuktikan bahawa pelaksanaan *hisbah* memberi impak positif terhadap kawalan sendiri dan motivasi pelajar untuk memperbaiki diri tanpa keperluan paksaan luaran.

Kajian oleh Makhsin et al. (2021) melaporkan hubungan signifikan antara amalan *hisbah* sosial dan kecemerlangan pelajar sekolah menengah, termasuk aspek pembentukan akhlak dan tanggungjawab sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap kepatuhan peraturan, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah pelajar secara konsisten dan berterusan. *Hisbah* berfungsi sebagai mekanisme disiplin yang membina dengan menekankan kesedaran diri dan tanggungjawab moral terhadap masyarakat dan agama.

Di peringkat pendidikan tinggi, *hisbah* turut terbukti memberi kesan positif terhadap pembangunan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, komunikasi berkesan dan etika profesional (Abdullah & Hassan, 2024). Hasil dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Subkan (2025) yang meneliti integrasi pengurusan berteraskan nilai-nilai Islam, yang menunjukkan bahawa pelaksanaan prinsip amanah, musyawarah dan keadilan dalam pendidikan dapat memperkukuh kecekapan institusi sambil membina akhlak pelajar. Justeru, pendekatan *hisbah* tidak hanya berkesan sebagai alat disiplin tetapi juga sebagai strategi pembangunan pelajar yang holistik dari segi akal, akhlak dan spiritual.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretatif dengan fokus eksploratori terhadap amalan pengurusan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin, Banting, dalam kerangka prinsip *hisbah*. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam makna,

pengalaman dan konteks sosial yang membentuk perilaku dan persepsi pelajar serta guru terhadap disiplin. Dalam paradigma tafsiran (*interpretivism*), realiti dianggap bersifat subjektif dan dibina secara sosial oleh individu melalui pengalaman harian mereka. Justeru, kajian ini tidak bertujuan menghasilkan generalisasi universal tetapi memberi pemahaman mendalam terhadap pelaksanaan nilai *hisbah* dalam satu institusi pendidikan Islam tradisional.

Lokasi kajian ini dipilih secara berasaskan keberadaan sistem disiplin bersepadu yang diamalkan secara konsisten oleh guru pondok, selain latar belakang pelajar yang datang daripada pelbagai kategori termasuk pelajar berisiko. Selain itu, reputasi guru-gurunya yang berperanan bukan sekadar pengajar, tetapi juga sebagai *muhtasib*, turut menjadi justifikasi penting dalam pemilihan lokasi.

Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur bersama lima orang guru, dua orang pentadbir pondok, dan enam orang pelajar yang dipilih secara *purposeful sampling*, berdasarkan keterlibatan aktif mereka dalam sistem disiplin pondok. Temu bual dijalankan secara bersemuka di premis pondok bagi mengekalkan keaslian konteks dan interaksi. Soalan temu bual dibina berasaskan dimensi utama konsep *hisbah* seperti muraqabah, muhasabah, *mu'atabah* dan *mu'aqabah* serta direka bentuk untuk membuka ruang kepada naratif reflektif dan pengalaman peribadi peserta. Selain temu bual, pemerhatian lapangan tidak formal dijalankan secara langsung terhadap aktiviti rutin harian pelajar termasuk sesi tazkirah, pengajian kitab, perhimpunan pagi serta sesi disiplin atau teguran yang berlaku bagi mengumpul data kontekstual dan visual yang tidak dapat diperolehi melalui temu bual sahaja.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik berdasarkan pendekatan Braun & Clarke (2006), yang merangkumi enam langkah: (i) pengenalan data, (ii) pembangunan kod awal, (iii) pencarian tema, (iv) semakan semula tema, (v) penamaan tema dan (vi) penulisan naratif tema. Kelima-lima elemen utama *hisbah* dijadikan tema analisis utama iaitu *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* dan *mu'aqabah*. Setiap data temu bual, pemerhatian dan dokumen disusun ke dalam matriks tema bagi memastikan keselarasan antara teori dan amalan. Proses analisis juga dijalankan secara berterusan (*iterative*) sepanjang kerja lapangan dan selepas transkripsi penuh dilakukan.

Untuk menjamin kebolehpercayaan dan kesahan data, beberapa teknik verifikasi digunakan. Antaranya ialah triangulasi kaedah, iaitu gabungan data dari temu bual, pemerhatian dan dokumen (seperti nota tazkirah guru dan peraturan pondok). Selain itu, semakan peserta (*member checking*) dilakukan dengan menampilkan semula ringkasan dapatan kepada beberapa peserta utama untuk memastikan ketepatan interpretasi. Pengesahan pakar (*peer debriefing*) turut dijalankan dengan melibatkan pensyarah dalam bidang pendidikan Islam dan sosiologi pendidikan sebagai pembaca bebas terhadap proses kodifikasi. Dari aspek etika, semua prosedur penyelidikan telah mendapat kelulusan pihak institusi dan setiap peserta memberikan persetujuan termaklum bertulis (*informed consent*). Tiada unsur paksaan dan nama peserta disamarkan demi menjaga kerahsiaan maklumat.

Secara keseluruhannya, metodologi ini membolehkan penyelidik mengakses lapisan makna yang kompleks dalam sistem pendidikan pondok dan memahami bagaimana nilai-nilai Islamik dimanifestasikan bukan sahaja sebagai prinsip ideal tetapi sebagai amalan harian yang dihidupkan secara sadar oleh warga pondok dalam usaha membentuk akhlak dan disiplin pelajar melalui pendekatan *hisbah* yang bersifat membimbing, membina dan menyucikan jiwa (Safiah et al., 2021).

Dapatan

Analisis temu bual bersama pengetua, guru dan pelajar di Pondok Bustanul Arifin mendapati pengurusan disiplin di institusi ini berasaskan kepada prinsip *hisbah* yang dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten. Lima elemen utama *hisbah* iaitu *musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* dan *mu'aqabah* dapat dikenal pasti sebagai asas pengurusan disiplin, selain peranan guru sebagai *muhtasib* yang bertindak sebagai pembimbing rohani.

Musyaratah: Syarat Awal Disiplin

Bagi pelajar baharu, tempoh percubaan selama 41 hari menjadi syarat awal bagi menilai kesediaan mereka untuk mengikuti pengajian pondok. Tempoh ini bertindak sebagai kontrak moral yang mewajibkan pelajar mematuhi peraturan, menjaga solat berjemaah dan menghormati guru. Menurut pengetua,

“Yang tak bermasalah 30 peratus. Yang istimewanya 70 peratus, campur laki perempuan.”

Kenyataan ini menunjukkan majoriti pelajar datang dengan latar belakang bermasalah dan memerlukan pendekatan khusus melalui sistem disiplin pondok.

Muraqabah: Kesedaran Pengawasan Ilahi

Elemen *muraqabah* ditekankan melalui aktiviti rohani harian seperti solat berjemaah, zikir, bacaan *al-Ma'thurat* dan sesi tazkirah. Ia menanamkan rasa bahawa setiap pelajar sentiasa berada di bawah pengawasan Allah SWT. Guru juga memainkan peranan penting dengan mendidik melalui teladan dan kasih sayang. Seorang guru menyatakan,

"Kita rotan atas dasar kasih sayang. Lepas hukuman, duduk sekali, makan sekali."

Pendekatan ini menjadikan disiplin lebih bersifat *tarbawi* kerana hukuman diikuti dengan pemulihan hubungan guru-pelajar.

Muhasabah: Refleksi Kendiri

Amalan *muhasabah* dilaksanakan secara harian, terutamanya pada waktu malam sebelum tidur, untuk memberi peluang kepada pelajar menilai perbuatan mereka. Bagi kesalahan yang berat, pelajar dikenakan *muhasabah* mendalam melalui pengalaman simbolik iaitu duduk di dalam liang lahad. Seorang pelajar berkata,

"Kalau bergaduh memang kena liang lahad... duduk seorang-seorang, berzikir dalam itu."

Kaedah ini memberi kesedaran tentang kematian dan mendorong pelajar untuk bertaubat serta mengawal diri daripada mengulangi kesalahan.

Mu'atabah: Teguran Hikmah

Selain hukuman fizikal, pendekatan *mu'atabah* dilaksanakan melalui teguran berhemah oleh guru. Teguran dilakukan secara individu atau dalam kumpulan kecil dengan menekankan nasihat berlandaskan agama. Seorang pelajar menjelaskan,

"Kalau di sekolah kena rotan, rasa dendam. Tapi di sini, lepas rotan ustaz ajak makan sekali."

Perkara ini menggambarkan bahawa teguran pondok diterima secara positif kerana disampaikan dengan hikmah, penuh perhatian dan tidak menjatuhkan maruah pelajar.

Mu'aqabah: Hukuman Mendidik

Hukuman yang dijalankan di pondok bersifat mendidik dan simbolik, termasuk rotan di khalayak dengan selawat, makan cili, rendaman air, ketuk ketampi dan cukur rambut. Hukuman ini bukan bertujuan menghukum secara kejam, sebaliknya sebagai peringatan rohani dan sosial. Seorang pengetua berkongsi pengalaman,

"Pelajar yang dah berhenti setahun lebih, lari... akhirnya telefon ustaz nak terima hukuman sebab rasa bersalah."

Fenomena ini menunjukkan bahawa pelajar menganggap hukuman sebagai satu bentuk pembersihan diri dan pemulihan akhlak, bukan sekadar balasan atas kesalahan.

Peranan Guru sebagai Muhtasib

Guru pondok tidak hanya bertindak sebagai pengajar ilmu tetapi juga sebagai *muhtasib* yang membimbing rohani dan moral pelajar. Hubungan guru dan pelajar digambarkan seperti keluarga besar, yang menimbulkan rasa hormat, malu (*haya'*) dan tanggungjawab sendiri. Seorang pelajar menyebut,

"Kami anggap ustaz macam bapa sendiri. Kalau ustaz belum makan, kami pun tak makan."

Keakraban ini menjadikan disiplin pondok lebih berkesan kerana pelajar patuh bukan disebabkan rasa takut, tetapi kerana kasih sayang dan penghormatan terhadap guru.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan *hisbah* dalam pengurusan disiplin di Pondok Bustanul Arifin dilaksanakan melalui gabungan kawalan rohani, teguran berhemah, hukuman simbolik serta suasana kekeluargaan antara guru dan pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja mencegah salah laku, malah membina keinsafan dalaman dan sahsiah pelajar secara menyeluruh.

Perbincangan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengurusan disiplin di Pondok Bustanul Arifin berbeza daripada pendekatan disiplin konvensional kerana berasaskan kepada prinsip *hisbah* yang menekankan keseimbangan antara hukuman mendidik dan pembentukan rohani. Setiap elemen *hisbah musyaratah*, *muraqabah*, *muhasabah*, *mu'atabah* dan *mu'aqabah* diaplikasikan secara sistematik dan memberi kesan langsung terhadap pembentukan akhlak serta kawalan sendiri pelajar.

Musyaratah dan Muraqabah: Disiplin sebagai Perjanjian Moral

Musyaratah dalam bentuk tempoh percubaan 41 hari merupakan syarat awal yang menanamkan tanggungjawab pelajar untuk mematuhi peraturan pondok. Perkara ini selaras dengan pandangan al-Ghazali (2005) bahawa syarat awal dan komitmen moral penting dalam membentuk disiplin diri. Elemen *muraqabah* pula berfungsi sebagai kawalan dalaman yang menjadikan pelajar lebih berhati-hati dalam setiap tindakan kerana sedar sentiasa berada di bawah pengawasan Allah SWT. Hal ini sejalan dengan Ibn Taymiyyah (2004) yang menegaskan bahawa *hisbah* tidak hanya bersifat kawalan luaran, tetapi juga memperkukuh kesedaran dalaman yang berpaksikan iman.

Muhasabah dan Mu'atabah: Pemulihan Sahsiah Berasaskan Hikmah

Amalan *muhasabah* melalui refleksi sendiri serta pengalaman simbolik dalam liang lahad menekankan dimensi *tarbiyyah* yang unik di pondok. Pendekatan ini membangunkan keinsafan yang tulen kerana pelajar tidak hanya menyesali perbuatan, tetapi juga terdorong untuk bertaubat. Ibn Qayyim (2003) menyatakan bahawa *muhasabah* adalah asas kepada perubahan akhlak kerana manusia tidak akan berubah tanpa kesedaran terhadap kelemahan diri. Pendekatan *mu'atabah* pula, yang menekankan teguran berhemah, seiring dengan hadis Nabi SAW bahawa *al-din nasihah* (agama itu nasihat). Hal ini berbeza dengan pendekatan disiplin konvensional yang sering menimbulkan rasa dendam dalam kalangan pelajar.

Mu'aqabah: Hukuman Mendidik, Bukan Dendam

Walaupun hukuman fizikal seperti rotan, rendaman air atau cukur rambut diamalkan, ia dilaksanakan secara terkawal dan dengan niat mendidik. Pendekatan ini menepati prinsip syariah yang menolak penderaan berlebihan. Kajian Makhsin, Aziz dan Ilias (2016) turut menunjukkan bahawa hukuman berasaskan *hisbah* mampu meningkatkan disiplin pelajar tanpa menjejaskan hubungan dengan guru. Bahkan, fenomena pelajar yang kembali ke pondok untuk meminta hukuman menunjukkan penerimaan mereka terhadap hukuman sebagai bentuk pemulihan diri. Ini menggambarkan bahawa *hisbah* dalam pendidikan pondok lebih menyerupai mekanisme restoratif berbanding punitif.

Peranan Guru sebagai Muhtasib: Disiplin melalui Kasih Sayang dan Qudwah

Guru di Pondok Bustanul Arifin berperanan sebagai *muhtasib* yang mendidik melalui teladan dan kasih sayang. Hubungan rapat antara guru dan pelajar melahirkan suasana kekeluargaan yang menggalakkan kepatuhan secara sukarela. Dapatan ini selaras dengan kajian Salleh, Ahmad dan Kamaruddin (2021) yang menekankan peranan guru sebagai pemantau akhlak dalam pembentukan disiplin. Dalam konteks teori kawalan sosial Hirschi (1969), peranan guru memenuhi empat dimensi kawalan sosial: keterikatan (*attachment*) dengan guru, komitmen (*commitment*) terhadap aktiviti pondok, penglibatan (*involvement*) dalam kegiatan positif, dan kepercayaan (*belief*) terhadap nilai agama. Ini membuktikan bahawa keberkesanan *hisbah* bukan sahaja terletak pada hukuman tetapi juga pada hubungan guru-pelajar yang akrab.

Implikasi terhadap Sistem Pendidikan Islam

Secara keseluruhannya, pengurusan disiplin di pondok ini membuktikan bahawa *hisbah* mampu menjadi model alternatif bagi institusi pendidikan Islam. Pendekatan ini bukan sahaja menangani salah

laku pelajar, malah membina kawalan rohani, kesedaran sendiri dan sahsiah yang seimbang. Penemuan ini menyokong pandangan Hassan (2011) tentang relevansi *hisbah* dalam konteks kontemporari sebagai mekanisme pemantauan sosial yang berkesan. Ia juga sejalan dengan dapatan Rahman dan Jalil (2018) bahawa pendidikan akhlak berasaskan agama lebih berkesan membentuk pelajar berdisiplin berbanding pendekatan sekular.

Rumusan dan Cadangan

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan *hisbah* yang diterapkan dalam pengurusan disiplin di Pondok Bustanul Arifin bukan sahaja berkesan dalam mengawal tingkah laku pelajar, tetapi turut menyumbang secara signifikan kepada pembentukan akhlak, kesedaran sendiri dan rasa tanggungjawab *spiritual*. Prinsip *hisbah* seperti *muraqabah* (kesedaran terhadap pengawasan Illahi), *muhasabah* (refleksi sendiri), *mu'atabah* (teguran berhikmah) dan *mu'aqabah* (hukuman mendidik) tidak sekadar menjadi wacana moral, tetapi berjaya diterjemahkan secara praktikal dalam kehidupan harian pelajar. Amalan ini bukan sahaja berfungsi mencegah pelanggaran disiplin, malah memperkukuh jati diri pelajar melalui keinsafan rohani yang berterusan (Mazlan, Shafie, & Jakaria, 2021; Makhsin, Aziz, & Ilias, 2016).

Peranan guru sebagai *muhtasib* merupakan elemen teras dalam kejayaan pendekatan ini. Guru tidak hanya menjalankan pengawasan luaran, tetapi bertindak sebagai model *qudwah* yang mendidik secara rohani dan emosional. Hubungan yang dibina atas dasar kasih sayang, hormat dan tanggungjawab moral mewujudkan budaya kepatuhan yang lahir daripada kesedaran dalaman, bukan semata-mata rasa takut terhadap hukuman. Keadaan ini selari dengan pandangan Salleh, Ahmad dan Kamaruddin (2021) bahawa guru sebagai *muhtasib* berperanan membentuk disiplin pelajar melalui teladan dan teguran berhikmah. Ia juga menyokong dapatan Rahman dan Jalil (2018) yang menegaskan bahawa pendidikan akhlak berasaskan agama lebih berkesan dalam membina sahsiah berbanding pendekatan disiplin konvensional.

Sehubungan itu, pendekatan *hisbah* wajar dikembangkan sebagai model alternatif bagi institusi pendidikan Islam lain, terutamanya sekolah tahfiz, madrasah dan kolej pengajian Islam yang berdepan dengan cabaran disiplin pelajar. Kerangka ini boleh diadaptasi dalam bentuk modul latihan disiplin berasaskan *hisbah* yang boleh digunakan oleh pendidik, pentadbir dan kaunselor untuk memperkukuh kawalan sendiri pelajar (Hasanah et al., 2022). Untuk memastikan keberkesanannya, kajian lanjutan menggunakan pendekatan kuantitatif atau kaedah campuran disarankan bagi menilai impak pendekatan ini secara sistematik terhadap sahsiah, pencapaian akademik, dan kemahiran insaniah pelajar. Selain itu, penyelidikan tindakan juga boleh dilaksanakan bagi menambah baik modul pelaksanaan secara berterusan (Yusuf, 2023).

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada wacana pengurusan pendidikan Islam dengan membuktikan bahawa pendekatan berasaskan *hisbah* mampu membawa kesan transformasi jangka panjang terhadap pembangunan sahsiah pelajar. Hal ini memperkukuh pandangan al-Ghazali (2005) dan Ibn Taymiyyah (2004) bahawa pendidikan Islam berasaskan *hisbah* bukan sahaja menangani isu disiplin secara luaran, tetapi juga membentuk pelajar sebagai insan rabbani yang berakhlak, bertanggungjawab dan menyumbang positif kepada masyarakat, selaras dengan maqasid syariah.

Rujukan

- Abuzar, M., Hassan, M., Riazul Shikdar, M., Rahman, O., & Esor, A. (2024). Strategies for forming student discipline in Islamic elementary schools in Malaysia: A holistic approach in character education. *Solo Universal Journal of Islamic Education and Multiculturalism*, 2(3), 207–218. <https://doi.org/10.61455/sujiem.v2i03.204>.
- Aisy, S. R., Syahidin, S., & Fakhruddin, A. (2024). The contribution of Pesantren Kilat program to students' religious knowledge and behaviors at elementary school. *Journal of Islamic Education Studies*, 5(2). <https://doi.org/10.35719/educare.v5i2.311>.
- Al-Attas, S. M. N. (1979). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Albariki, F., Misbakhul Anwar, M. A., & Abdul Rohman, M. (2024). The contribution of pesantren culture to the development of Islamic education management system in the modern era. *Transformation in Islamic Management and Education Journal*, 1(1), 42–51.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulumuddin*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Qaradawi, Y. (1996). *Hisbah dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Hasanah, N. Z., Dhaisan i Sutra, S., Istiqomah, I., & Dewantara, M. H. (2022). The role of Islamic education in teaching moral values to students. *Mudarrisa: Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 14(1), 33–47. <https://doi.org/10.18326/mdr.v14i1.33-47>.
- Hassan, K. (2011). Public accountability and *hisbah* in modern governance. *Journal of Islamic Ethics*, 5(2), 101–117.
- Huda, M. (2016). Al-Zarnūjī's concept of knowledge ('ilm). *SAGE Open*, 6(3). <https://doi.org/10.1177/2158244016666885>.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2003). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah. (2004). *Al-Hisbah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ismail, N., & Haron, F. (2019). Pendekatan disiplin pelajar berasaskan nilai muraqabah dan muhasabah di sekolah tahfiz. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1), 22–34.
- Lukens-Bull, R. A. (2001). Madrasa by any other name: Pondok, pesantren, and Islamic schools in Southeast Asia. *Comparative Education Review*, 45(3), 350–372. <https://doi.org/10.1525/aeq.2001.32.3.350>.
- Makhsin, M., Aziz, N. A., & Ilias, M. F. (2016). The application of *hisbah* moral enhances students' discipline. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1), 234–240. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p234>.
- Mazlan, M., Shafie, S. N. A., & Jakaria, N. A. (2021). Analisis pengamalan *hisbah* dalam pengurusan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin Banting, Selangor. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 155–171.
- Mohd Nor, M. S. (2014). *Hisbah dan kepemimpinan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mufrihah, A. (2025). Rasch model analysis of santri reverence morals scale. *International Global Community Journal*.
- Rahman, A., & Jalil, S. (2018). Pendekatan pendidikan akhlak dalam disiplin pelajar: Suatu kajian kontekstual. *Jurnal Pengurusan Pendidikan Islam*, 3(1), 45–60.
- Safiah, A. R., Saari, C. Z., & Abdul Rahman, S. M. H. (2021). Muraqabah dan mahabbah menurut al-Sarraj: Satu analisis menurut perspektif pembangunan rohani insan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 1–15. <https://doi.org/10.37231/jimk.2021.22.3.583>.
- Salleh, N., Ahmad, W. M. N., & Kamaruddin, A. (2021). Guru sebagai muhtasib dalam pembentukan disiplin pelajar sekolah menengah agama. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan Islam*, 9(2), 66–79.
- Yusuf, M. (2023). The significance of the Islamic education teacher in enhancing the moral development of junior high school students. *Anjasmoro: Islamic Interdisciplinary Journal*, 1(1), 1–10. <https://doi.org/10.69965/anjasmoro.v1i1.14>.
- Zarkasyi, H. F. (2017). The role of muraqabah in moral education: A perspective from classical Islamic scholarship. *Tafsir Journal of Islamic Thought*, 4(1), 87–99.